



LPSVN UKK/600-01/05 JILID 2 (24)

## SIARAN MEDIA

### **BALAI SENI NEGARA PERKASA SENI SERAMIK KONTEMPORARI MELALUI PAMERAN SPATIAL CREATIVE – CERAMIC ZONE DAN PAMERAN ASAL TANAH**

**15 JANUARI 2026** – Sebagai institusi yang berperanan memperkasa pembangunan seni visual negara, Balai Seni Negara terus komited dalam menyediakan pengalaman seni yang bermakna dan berkualiti kepada para pengunjung. Seiring aspirasi berkenaan, Balai Seni Negara menganjurkan Pameran Spatial Creative – Ceramic Zone serta Pameran Asal Tanah, yang berlangsung sehingga 30 April 2026 bertempat di Galeri Aras 1 dan Galeri 2B, Balai Seni Negara.

Majlis perasmian pameran ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Shaharuddin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), hari ini. Turut hadir ialah YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, wakil jabatan dan agensi, para seniman tanah air, serta rakan kerjasama.

Pameran ini menampilkan 39 karya seramik, merangkumi seni seramik artistik, *pottery*, *tableware* dan arca, sekali gus menggambarkan kepelbagaian teknik, kreativiti dan pendekatan artistik para seniman. Karya-karya ini merupakan hasil Program Residensi Spatial Creative – Ceramic Zone (SCCZ) yang telah diadakan pada 22 hingga 30 Oktober 2025, menghimpunkan 10 seniman daripada pelbagai latar belakang untuk meneroka potensi seni seramik kontemporari di Malaysia. Antara seniman yang terlibat ialah Amy Nazira, Sabri Idrus, Saiful Razman, S. Amin Shahab, Bone Alfie, Shafiq Nordin, Amer01, Khairul Izzuddin, Kenji Chai, dan Tan Kai Sheuan.

Program residensi ini dirancang sebagai platform intensif yang memberi peluang kepada para seniman untuk berkarya secara langsung di studio profesional, sambil dibimbing oleh artis dan pakar seramik berpengalaman. Residensi ini dijalankan di tiga lokasi utama pembuatan seramik, iaitu BK Art Studio, Kuala Kangsar, Perak; Ilham Ceramic Studio, Langkawi, Kedah; dan Sari Chempaka Art Village, Karak, Pahang, dengan

bimbingan tenaga pengajar seperti Mohammad Radzi bin Ismail, Ibrahim bin Mohd. Don @ Dun dan Muhammad Aimanuddin bin Kasman.

Melalui pendekatan praktikal dan dialog kritikal, para seniman berjaya menghasilkan karya baharu sambil memperkukuh pemahaman mereka tentang hubungan antara bentuk, fungsi dan ruang dalam rekaan seramik. Selain meningkatkan kemahiran teknikal, program ini turut memperluas jaringan antara seniman pelbagai generasi dan komuniti seramik tempatan, membuka ruang kepada kolaborasi dan pertukaran idea secara berterusan.

Penganjuran residensi ini turut dimeriahkan dengan Pameran Asal Tanah, menampilkan 83 karya seramik, termasuk karya daripada Koleksi Seni Visual Negara serta seniman jemputan. Antara yang terlibat ialah seniman daripada Persatuan Seni Seramik Perak (PERSERA), selain hasil kolaborasi melalui program *outreach*, iaitu After Monsoon Project yang melibatkan komuniti di Pantai Pulau Kundur, Kelantan.

Program ini diharapkan menjadi pemangkin kepada perkembangan ekosistem seni seramik di Malaysia serta mengangkatnya sebagai cabang penting dalam lanskap seni kontemporari negara. Penganjurannya turut menzahirkan elemen Daya Cipta dalam teras Malaysia MADANI, sekali gus membuka peluang pekerjaan serta memberi ruang kepada penggiat seni tanah air untuk menjana ekonomi.

Orang ramai dijemput untuk menyaksikan keunikan karya-karya seramik secara eksklusif dalam Pameran Spatial Creative – Ceramic Zone serta Pameran Asal Tanah, yang akan berlangsung sehingga 30 April 2026. Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my).

---

*Dikeluarkan:*

**Unit Komunikasi Korporat**

**BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala

Lumpur Tel: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: [ukk@artgallery.gov.my](mailto:ukk@artgallery.gov.my) W: [www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)

**Untuk pertanyaan, sila hubungi:**

**Balai Seni Negara:**

**Mohd Zuriyadi Sarpin**

T: +60 11 1005 5207

E: [zuriyadi@artgallery.gov.my](mailto:zuriyadi@artgallery.gov.my)

**Intan Syazwina Suhaimi**

T: +60 19 998 5884

E: [syazwina@artgallery.gov.my](mailto:syazwina@artgallery.gov.my)